

FPP

June - November 2024

# BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

*Permingaan Produk*

## TEBALOI

## work-life BALANCE

## The Power of PHYSIOTHERAPY

## wanita dan MOTOSIKAL

*sustainable*  
**SKINCARE**


## Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date  
25 October 2024



**PENGALAMAN MENJALANI PEMBEDAHAN**

# **LASER MATA**

**DI UIAM KUANTAN**

1SHOLEHAH ABDULLAH, 2SHUKRIAH ABDULLAH DAN 1NOR HAMIZA MOHD GHANI

1FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN TERENGGANU, MALAYSIA

2KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN TERENGGANU, MALAYSIA

EMEL KORESPONDEN: SHOLEHAH@UITM.EDU.MY



**T**ahukah anda bahawa pembedahan laser mata boleh memberikan anda kebebasan daripada cermin mata dan kanta lekap? Sebagai seorang yang pernah menjalani pembedahan mata laser di Hospital Universiti UIAM Kuantan, saya ingin berkongsi pengalaman saya dan manfaat besar yang diperoleh dari prosedur ini. Sebagai seorang yang telah memakai cermin mata selama lebih 20 tahun, saya sering merasa bosan dan letih memakai cermin mata. Cermin mata saya kerap hilang, rosak, dan dengan peningkatan kuasa rabun, saya terpaksa mengganti cermin mata yang semakin mahal kosnya.

Pembedahan laser mata telah menjadi pilihan terbaik bagi saya untuk mengatasi masalah ini. Terdapat tiga jenis pembedahan utama di Hospital UIAM Kuantan: ReLEx SMILE, Femto-LASIK, dan LASEK. Setiap jenis mempunyai prosedur, masa pemulihan, dan kos yang berbeza.

Jenis Pembedahan	Prosedur	Masa Pemulihan	Ketidakselesaan	Kos
ReLEx SMILE	Insisi kecil dibuat pada kornea menggunakan laser femtosecond dan lenticule dikeluarkan melalui insisi.	Cepat	Minimum	RM 10,200 (RM850/bulan untuk 12 bulan)
Femto-LASIK	Flap dibuat pada kornea menggunakan laser femtosecond, tisu kornea di bawahnya dibentuk semula dengan laser excimer, flap kornea diposisikan semula.	Cepat (biasanya keesokan harinya)	Minimum	RM 7,320 (RM 610/bulan untuk 12 bulan)
LASEK	Epitelium dikeluarkan menggunakan alkohol cair, laser excimer membentuk semula tisu kornea di bawahnya, lapisan superfisial baru kornea terbentuk semula.	Sederhana (4-5 hari)	Sederhana	RM 4,200 (RM 350/bulan untuk 12 bulan)

Untuk layak menjalani pembedahan laser mata, pesakit mestilah berumur 18 tahun ke atas, mempunyai penglihatan yang stabil sekurang-kurangnya selama setahun, tidak hamil, dan tidak mempunyai masalah perubatan atau mata yang ketara.

Langkah pertama adalah berhubung melalui WhatsApp di nombor 019-6771762 untuk menetapkan tarikh temu janji. Langkah seterusnya adalah menjadualkan pemeriksaan kelayakan, yang bebas caj, untuk menentukan kelayakan untuk pembedahan ini. Pemeriksaan awal ini merangkumi beberapa ujian diagnostik yang biasanya mengambil masa sekitar satu jam. Saringan LASIK dan tinjauan pasca-operasi dilakukan pada setiap hari Rabu dan Jumaat.

Jika layak, penilaian pra-operasi berharga RM 305 akan dijalankan. Penilaian pra-operasi LASIK dijalankan pada hari Isnin, Selasa, dan Khamis bergantung kepada tarikh dan hari yang dipersetujui oleh pesakit. Bayaran penilaian ini tidak akan dikembalikan sekiranya pesakit memutuskan untuk tidak meneruskan operasi atau menarik diri. Pemeriksaan ini lebih komprehensif dan biasanya mengambil masa sekitar lima jam.

Setelah disahkan jenis pembedahan yang bersesuaian dengan mata pesakit dan memilih antara tiga kaedah yang ada, pesakit perlu membuat temu janji seterusnya melalui klinik oftalmologi Hospital UIAM Kuantan. Klinik ini beroperasi dari jam 8 pagi hingga 12 tengah hari, dan tutup pada hari Sabtu dan Ahad.

Pada hari pembedahan, pesakit dinasihatkan datang bersama seorang teman kerana mereka tidak akan dapat memandu selepas pembedahan. Selepas pembedahan, penting untuk pesakit mengikuti semua arahan penjagaan selepas pembedahan yang diberikan oleh pakar. Pesakit juga perlu menghadiri semua temu janji susulan untuk

memastikan penyembuhan yang betul dan menangani sebarang masalah yang mungkin timbul.

Setiap jenis pembedahan mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri dan kaedah pembayaran secara ansuran juga disediakan. Contohnya, ReLEx SMILE dan Femto-LASIK menawarkan masa pemulihan yang lebih cepat dan kurang ketidakselesaian semasa penyembuhan berbanding LASEK. Namun, tidak semua mata sesuai untuk setiap jenis pembedahan. Walaupun mampu membayar lebih, jika selepas ujian mata didapati tidak sesuai dengan operasi tersebut, pesakit perlu membuat pilihan yang lebih murah. Bagi mereka yang sesuai untuk ketiga-tiga jenis pembedahan, disarankan untuk memilih ReLEx SMILE atau Femto-LASIK jika mampu membayar lebih kerana kedua-duanya menawarkan pemulihan yang lebih cepat dan kurang ketidakselesaian semasa penyembuhan.

Sebaliknya, LASEK, yang merupakan pilihan paling murah, memerlukan masa pemulihan yang lebih lama dengan mata kabur selama seminggu dan menyebabkan aktiviti harian yang lebih terbatas. Namun, setiap jenis pembedahan mata, pesakit akan diberikan cuti sakit (MC) selama 9 hari, membolehkan pesakit mempunyai masa yang cukup untuk pemulihan sepenuhnya.

Penjagaan selepas pembedahan adalah sangat penting untuk kejayaan pembedahan ini. Pesakit mesti mengikuti arahan pakar bedah mereka dengan teliti, menghadiri semua temu janji susulan, dan menggunakan ubat yang ditetapkan untuk memastikan penyembuhan yang optimum. Jangkaan jangka panjang pembedahan ini termasuklah penglihatan yang stabil, tetapi pemeriksaan mata secara berkala adalah disyorkan untuk memantau kesihatan mata.

Ramai pesakit telah berkongsi pengalaman mereka dengan pembedahan mata laser di

Hospital UIAM Kuantan. Sebagai contoh, seorang pesakit LASEK melaporkan kesakitan dan ketidakselesaan yang ketara pada hari-hari awal selepas prosedur tetapi mencatat peningkatan yang ketara dalam penglihatan selama beberapa minggu berikutnya. Pesakit ini menekankan kepentingan mengikuti nasihat doktor dengan ketat untuk proses pemulihan yang lebih lancar.

Seorang lagi pesakit yang menjalani LASIK melaporkan bahawa 24 jam pertama adalah sukar, dengan kepedihan mata dan ketidakselesaan yang ketara. Walau bagaimanapun, penglihatannya bertambah baik dengan ketara pada keesokan harinya, dan dapat melihat dengan jelas tanpa cermin mata. Walaupun mata kering berterusan selama beberapa bulan, keseluruhan pengalaman sangat positif dan mengubah kehidupannya.

Untuk penjagaan selepas pembedahan, terdapat beberapa perkara penting yang perlu dielakkan bagi memastikan proses penyembuhan berjalan lancar:

### **1) Jangan gosok mata:**

Ini adalah pantang larang utama selepas pembedahan kerana boleh menyebabkan jangkitan dan komplikasi.

### **2) Elakkan aktiviti fizikal berat**

Rehat adalah penting untuk memastikan mata dapat sembuh dengan baik.

### **3) Jangan terdedah kepada cahaya terang**

Gunakan cermin mata hitam untuk mengurangkan ketidakselesaan daripada cahaya terang.

### **4) Jangan merokok atau minum alkohol**

Kedua-dua aktiviti ini boleh mengganggu proses penyembuhan.

### **5) Elakkan penggunaan sapu tangan pada mata**

Gunakan tisu steril jika perlu membersihkan kawasan sekitar mata.

Dari segi pemakanan, terdapat makanan tertentu yang biasanya perlu dielakkan selepas pembedahan seperti makanan pedas, alkohol, dan kafein. Makanan yang tinggi garam dan gula juga boleh mempengaruhi penyembuhan dan menyebabkan mata menjadi kering. Sebaiknya, pesakit disarankan untuk mengambil makanan yang kaya dengan nutrien dan vitamin yang baik untuk kesihatan mata seperti sayuran hijau, ikan, dan buah-buahan segar.

Hospital UIAM Kuantan menawarkan penyelesaian yang berkesan untuk pembetulan penglihatan melalui penyelidikan dan teknik inovatif mereka dalam pembedahan mata laser. Sama ada memilih ReLEx SMILE, Femto-LASIK, atau LASEK, pesakit boleh mengharapkan peningkatan yang ketara dalam penglihatan dan kualiti hidup dengan penjagaan yang betul selepas pembedahan. Pembedahan mata laser di UIAM Kuantan telah menunjukkan banyak faedah, termasuk peningkatan ketajaman visual, pengurangan kebergantungan pada cermin mata, dan peningkatan kualiti hidup. Penyelidikan di Hospital UIAM Kuantan telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang prosedur ini, membawa kepada hasil yang lebih baik dan kepuasan pesakit.

Rujukan:

- IIUM Eye Specialist Clinic. (2024). Maklumat Pembedahan Mata Laser. Diperoleh daripada [Jabatan Oftalmologi IIUM](#)
- NVISION. (2024). Kos Sebenar Pembedahan Mata LASIK. Diperoleh daripada [NVISION Centers](#)
- Hello Doktor. (2023). Tips Penjagaan Diri Selepas Prosedur LASIK. Diperoleh daripada [Hello Doktor](#)
- Blog Malaysia. (2024). Penjagaan Mata Selepas Lasik. Diperoleh daripada [Blog Malaysia](#)



## PRE OPERATIVE ASSESSMENT INSTRUCTIONS

1. To **OFF** contact lens one (1) month prior to date of assessment.
2. Assessment will be about five (5) hours. (**MON, TUE & THUR**)
3. Both eyes will be dilate during the assessment.
  - Notes:** - Vision will a bit blurry and glare
  - Patient need to be accompanied by someone to drive home safely.
4. The assessment will be postponed if patient is pregnant.
5. Assessment Fees : RM300 + RM 5 (Registration) : **RM305**
  - The assessment fees is not refundable if the operation is cancelled due to any reason.
  - The balance for payment need to be paid via **ONLINE TRANSFER**
6. Any inquiry, do contact the clinic : **09-570 4550** (Office hour) **019-6771762** (WA ONLY)

# PAKEJ ANSURAN LASIK: 12,24 @ 36 BULAN

**LASEK**

12,  
24,36

rm350/ 179/ 123

**Femto LASIK**

12,  
24,36

rm610/ 311/ 211

**ZEISS-SMILE**

12,  
24,36

rm850/ 433/ 295

**Melalui Kad Kredit Bank-Bank Berikut :**





**LASIK**  
IIUM EYE  
SPECIALIST CLINIC



eyecon  
Optometry & Contact Lens

\*Harga tidak termasuk kos pemeriksaan pra pembedahan RM305 (non refundable)  
\*\* Whatsapp 016 222 6881 utk info lanjut

**LASIK**  
IUM EYE SPECIALIST CLINIC (IESC)  
KULLIYAH OF MEDICINE, KUANTAN PAHANG.

## Do you qualify for LASIK SURGERY?

- ✓ 18+ years of age
- ✓ Stable vision over at least a year
- ✓ Must not be pregnant
- ✓ No significant medical or eye problems

CONTACT US  
Consult us for a Lasik Eye Screening Test

SCAN ME 



Consult us for a **LASIK EYE SCREENING TEST**

**18+**  
Above 18 years

Good overall health

Stable Refractive Error

Must not be pregnant

Sufficient cornea thickness

No significant eye problem

**WHATSAPP US**  
FOR MORE INFO AND AN APPOINTMENT

<https://www.lasik-iium.com/>



INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
PREMIER INTERNATIONAL ISLAMIC RESEARCH UNIVERSITY

IUM EYE SPECIALIST CLINIC  
OPHTHALMOLOGY DEPARTMENT  
KULLIYAH OF MEDICINE  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
INDERA MAHKOTA CAMPUS

## LASER REFRACTIVE PROCEDURE

Laser refractive Procedure is an outpatient refractive surgery used to treat nearsightedness (myopia), farsightedness (hyperopia) and astigmatism. It is the common refractive surgery. The operation is performed on an outpatient basis under topical anesthesia (eye drops).

ReLEx SMILE



A small laser opening is made on the surface of the thin layer just below the eye's surface is removed.

Femto-LASIK



A flap is made on the surface of the eye using laser and a second laser reshapes the cornea.

LASEK



The epithelium is removed, a laser reshape the cornea and the cells of the eye are regenerated.

### ReLEx SMILE

#### HOW IS ReLEx SMILE PERFORMED?

A lenticule (a small layer of corneal tissue) is cut with a femtosecond laser. The surgeon then manually removes the lenticule from the eye. The procedure is performed under topical anesthesia (eye drops) and lasts 10 minutes per eye.

#### TREATMENT AND RECOVERY TIME:

As the latest of the three treatments, SMILE transforms Laser Eye Surgery into a minimally invasive procedure that can be performed in a matter of minutes. With the tissue being accessed and removed via tiny connecting tunnels in the outer cornea, no significant healing needs to take place. Add this to the short treatment time, and you have an incredibly swift recovery.

#### SAFETY AND COMFORT:

SMILE also takes Laser Eye Surgery to another level of patient comfort. SMILE offers approximately half the amount and duration of dry eye over the recovery period.

### FemtoLASIK

#### HOW IS FemtoLASIK PERFORMED?

A cut of a flap or corneal cap is made in the cornea using a Femtosecond laser (FemtoLASIK). The surface layer (epithelium) is raised with a thin portion of the deeper layer (stroma). The correction is applied to the excimer laser. Then, the corneal flap is put back in place. It will adhere spontaneously to the cornea.

FemtoLASIK are the techniques offering the fastest recovery and the greatest comfort. The resumption of daily activities is usually possible the next day.

#### SAFETY AND COMFORT:

Patients may experience some irritation and discomfort for up to 24 hours after surgery. This is minor and is generally managed with lubricating eye drops.

### LASEK (Advanced Surface Ablation)

#### HOW IS LASEK PERFORMED?

The surface layer of the cornea (the epithelium) is removed using diluted alcohol. Excimer laser treatment is performed on the surface of the deeper layer of the cornea (the stroma). Then, a new superficial layer of the cornea must reform in four days. The postoperative evolution is painful for 2 to 3 days and it takes 4 to 5 days to recover a vision compatible with its daily activities.

#### SAFETY AND COMFORT:

Although the treatment is pain-free, some LASEK patients may experience minor discomfort or irritation in the seven days after surgery. This is an expected part of the healing process.



IUM EYE SPECIALIST CLINIC  
OPHTHALMOLOGY DEPARTMENT  
KULLIYAH OF MEDICINE  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA



## LASER REFRACTIVE SERVICES ARTIFICIAL TEARS

PRESERVATIVE FREE		
<p>Systane Ultra UD</p> 	<p>Vismed Gel</p> 	<p>Optive Fusion UD</p> 
<p>Systane Hydration UD</p> 	<p>Vismed</p> 	<p>Optive UD</p> 
PRESERVATIVE		
<p>Refresh Advanced</p> 	<p>Systane Ultra Preservative Free</p> 	<p>Optive</p> 
<p>Hialid 0.1</p> 	<p>Systane Preservative Free</p> 	<p>Refresh Tears</p> 



eISSN 2600-9811



9 772600 981003

**BizNewz 2024**

**Faculty of Business and Management**

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun**

**Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA**

**Tel: +609-8400400**

**Fax: +609-8403777**

**Email: biznewzuitm@gmail.com**